

## PILIHAN RAYA KECIL (PRK) CAMERON HIGHLANDS: KEMENANGAN BN ATAU KEKALAHAN PH?

(*Cameron Highlands by-election: BN's Victory or PH's Loss?*)

Suresh Kumar N Vellymalay

### ABSTRAK

Artikel ini bertujuan membincangkan Pilihan Raya Kecil di Cameron Highlands dan pergelutan kerusi Parlimen antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH). Dalam PRK ini, calon BN telah memenangi dan mengekalkan kerusi tradisi Parlimen Cameron Highlands dengan mengalahkan calon PH. Sehubungan itu, artikel ini menerangkan beberapa faktor yang mendorong pengundi untuk mengundi BN; antaranya adalah faktor kesesuaian calon, faktor kesetiaan rakyat, kerjasama UMNO-PAS, politik perkauman dan faktor bangsa. Selain itu, artikel ini juga menerangkan beberapa faktor yang menghalang sokongan undi terhadap PH seperti kegagalan PH menunaikan janji dalam Manifesto PH dalam PRU 14, strategi kempen, kesesuaian calon, isu integriti dan penerimaan terhadap calon oleh pengundi. Berdasarkan faktor tarikan sokongan pengundi kepada BN dan faktor tolakan sokongan pengundi terhadap PH, beberapa pengajaran yang dapat dijadikan sebagai panduan daripada PRK Cameron Highlands turut dikemukakan.

**Kata kunci:** pilihan raya kecil, pengundi, kerusi Parlimen, Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH)

### ABSTRACT

This article discusses the Cameron Highlands Parliamentary seat by-election and the struggle between Barisan Nasional (BN) and Pakatan Harapan (PH), which was won by the BN candidate. It explains some of the factors that prompted voters to vote for BN, such as the suitability of candidate, voters' loyalty, UMNO-PAS cooperation, racial politics and race factor. Apart from that, it also uncovers the factors that prevented voters from supporting PH, which include the failure of PH to fulfil the GE14 manifesto promises, their campaign strategy, suitability of the candidate and integrity issues. Based on the various factors, several lessons that can be learnt from the Cameron Highlands by-election are also highlighted.

**Keywords:** by-election, voters, parliamentary seat, Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH)

### PENGENALAN

Kesinambungan daripada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) pada 9 Mei 2018, lima Pilihan Raya Kecil (PRK) telah diadakan iaitu di Sungai Kandis, Balakong, Seri Setia, Semenyih dan

Port Dickson. Tanggal 21 Januari 2019, negara menyaksikan satu lagi PRK bagi kerusi Parlimen Cameron Highlands. PRK terhasil daripada petisyen pilihan raya yang difaiklan oleh Manogaran Marimuthu iaitu calon DAP sebagai mencabar keputusan pilihan raya kawasan tersebut dalam PRU 14 yang dimenangi oleh Barisan Nasional (BN) iaitu Sivarraajh Chandran (Arfa Yunus, 2019; Murni Wan Omar, 2019; Timmy Say, 2019a).

Melalui petisyen yang difaiklan pada 5 Jun 2018, Manogran Marimuthu mendakwa bahawa berlakunya pembelian undi di kawasan terbabit (Anbalagan, 2018). Sehubungan itu, Mahkamah Pilihan Raya membatalkan kemenangan Ahli Parlimen Cameron Highlands, Sivarraajh Chandran, dalam PRU 14 akibat kedapatan amalan rasuah dalam mempengaruhi para pengundi di kawasan tersebut (Suruhanjaya Pilihanraya, 2018; MySumber, 2019). Tindakan tersebut juga dikaitkan dengan pelanggaran Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Arfa Yunus, 2019; Murni Wan Omar, 2019).

Oleh itu, PRK bagi kerusi Parlimen Cameron Highlands diadakan pada 21 Januari 2019 dan keputusan sekali lagi berpihak kepada calon BN yang bertanding bagi kerusi tersebut. Ironinya, kemenangan BN berlaku pada ketika UMNO semakin lemah selain MCA dan MIC yang lumpuh selepas kekalahan dalam PRU 14 (Timmy Say, 2019b) Persoalan di sini adalah walaupun PRU 13 dan PRU 14 menyaksikan gelombang Tsunami dan sokongan rakyat kepada PH namun bagaimanakah Cameron Highlands dapat mengukuhkan keupayaannya menjadi deposit tetap BN dalam PRK yang diadakan? Apakah keputusan PRK di Parlimen Cameron Highlands ini dapat dikaitkan dengan kemenangan BN atau kegagalan PH? Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mendorong pengundi untuk mengundi BN dan faktor yang telah menghalang sokongan undi terhadap PH dalam PRK di Cameron Highlands pada Januari 2019.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan daripada pelbagai sumber media massa seperti buku, jurnal dan akhbar khususnya. Data berkaitan keputusan PRU 11 hingga PRU 14 bagi kerusi Parlimen Cameron Highlands dan keputusan PRK bagi Parlimen Cameron Highlands pada tahun 2019 diperoleh daripada sumber rujukan laporan rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

## **PERGELUTAN KERUSI PARLIMEN CAMERON HIGHLANDS DARI TAHUN 2004 (PRU 11) HINGGA TAHUN 2018 (PRU 14)**

Kerusi Parlimen Cameron Highlands ini mula-mula dipertandingkan pada tahun 2004 dalam PRU ke-11. Sejak itu, kawasan ini bertindak sebagai kubu kuat bagi parti BN; yang diterajui oleh MIC (Arfa Yunus, 2019). Jadual 1 menunjukkan keputusan pilihan raya dari tahun 2004 (PRU 11) hingga tahun 2018 (PRU 14). Dalam PRU 11 pada tahun 2004, Devamany S. Krishnasamy (BN-MIC) telah mengalahkan Apalasamy Jataliah (DAP) dengan undi majoriti sebanyak 6 260. Devamany mendapat 10 226 undi berbanding Apalasamy yang mendapat sebanyak 3 966 undi. Dalam PRU 12 pada tahun 2008 pula, Devamany S. Krishnasamy (BN-MIC) sekali lagi telah mengalahkan Apalasamy Jataliah (DAP) dengan undi majoriti sebanyak 3 117. Walaupun Devamany S. Krishnasamy mendapat 9 164 undi namun bilangan undi menurun sebanyak 1 062 jika dibandingkan dengan keputusan tahun 2004. Apalasamy

telah mendapat undi sebanyak 6 247 undi iaitu 2 281 undi lebih tinggi daripada tahun 2004. Walaupun memenangi pilihan raya ini namun populariti Devamany S. Krishnasamy dalam kalangan pengundi didapati menurun.

Jadual 1: Keputusan PRU 11 hingga PRU 14 bagi Parlimen Cameron Highlands.

<b>PRU</b>	<b>Tahun</b>	<b>Calon</b>	<b>Parti bertanding</b>	<b>Bilangan Undi</b>	<b>Menang</b>	<b>Undi Majoriti</b>
11	2004	Devamany S. Krishnasamy Apalasamy Jataliah	BN-MIC (DAP)	10 226 3 966	BN	6 260
12	2008	Devamany S. Krishnasamy Apalasamy Jataliah	BN-MIC (DAP)	9 161 6 247	BN	2 914
13	2013	Palanivel K. Govindasamy Manogaran Marimuthu Mohd Shokri Mahmod Kisho Kumar Kathirveloo Alagu Thangarajoo	BN-MIC PR - DAP BERJASA BEBAS BEBAS	10 506 10 044 912 101 308	BN	462
14	2018	Sivaraajh Chandran Manogaran Marimuthu Wan Mahadir Wan Mahmud Mohd Tahir Kassim B Suresh Kumar	BN-MIC PH - DAP PAS BERJASA PSM	10 307 9 710 3 587 81 680	BN	597

(Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2004; 2008; 2013; 2018)

Memahami penurunan populariti Devamany S. Krishnasamy dan akibat kebangkitan tsunami rakyat kepada Pakatan Rakyat (PR), dalam PRU 13 pada tahun 2013, Palanivel K. Govindasamy diletakkan sebagai calon BN di Cameron Highlands. Persaingan lima penjuru antara Palanivel K. Govindasamy (BN-MIC), Manogaran Marimuthu (DAP), Mohd Shokri bin Mahmod (BERJASA), Kisho Kumar Kathirveloo (BEBAS) dan Alagu Thangarajoo (BEBAS) menyaksikan kemenangan tipis Palanivel K. Govindasamy dengan undi sebanyak 10 506 berbanding Manogaran Marimuthu yang mendapat undi sebanyak 10 044. Pada tahun 2018 pula, PRU 14 menyaksikan kemenangan kerusi Parlimen Cameron Highlands yang masih berpihak kepada calon BN iaitu Sivaraajh Chandran dengan undi sebanyak 10 307 menewaskan dua pesaing utama iaitu Manogaran (PKR) yang memperoleh undi sebanyak 9 710 dan Wan Mahadir (PAS) yang memperoleh undi sebanyak 3 587. Hal ini turut menunjukkan kemenangan tipis BN dengan undi majoriti sebanyak 597. Walaupun kubu kuat BN ini menyaksikan kemenangan yang berterusan namun persaingan yang sengit daripada calon PH dan undi majoriti yang rendah menjadi satu suntikan semangat kepada PH untuk merampas kerusi ini pada masa akan datang.

## **PILIHAN RAYA KECIL (PRK) BAGI PARLIMEN CAMERON HIGHLANDS 2019.**

Keputusan Mahkamah Pilihan Raya yang membatalkan kemenangan Ahli Parlimen Cameron Highlands, Sivaraajh Chandran dalam PRU 14 membawa kepada PRK dan perebutan kerusi Parlimen Cameron Highlands. Bagi PRK Cameron Highlands ini, penamaan calon diadakan

pada 12 Januari 2019 manakala tarikh PRK pula ditetapkan pada 26 Januari 2019 dengan tempoh berkempen selama 14 hari (Irwan Shafrizan Ismail, 2018).

PRK bagi kerusi Parlimen Cameron Highlands menyaksikan persaingan empat penjuru. BN meletakkan Ramli Mohd Nor seorang anak tempatan dari suku kaum Semai untuk bertanding di kawasan ini manakala PH pula mengekalkan Manogaran Marimuthu yang pernah bertanding dalam PRU 13 dan PRU 14. Selain itu, PRK ini turut menyaksikan dua calon bebas iaitu Sallehudin Talib dan Wong Seng Yee yang mencuba nasib untuk merampas kerusi Parlimen ini.

Jadual 2: Keputusan PRK bagi Parlimen Cameron Highlands, 2019

Calon	Parti bertanding	Bilangan Undi	Menang	Undi majoriti
Ramli Mohd Nor	BN	12 038	BN	3 238
Manogaran Marimuthu	PH	8 800		
Sallehudin Talib	Bebas	314		
Wong Seng Yee	Bebas	276		

(Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2019)

Jadual 2 menunjukkan keputusan PRK bagi kerusi Parlimen Cameron Highlands bagi tahun 2019. Berdasarkan Jadual 2, BN sekali lagi mempertahankan kerusi tradisi Parlimen Cameron Highlands dengan mendapat undi majoriti yang besar. Dalam PRK ini, Ramli Mohd Nor telah meraih 12 038 undi berbanding Manogaran Marimuthu yang mendapat 8 800 undi. Dua orang calon bebas iaitu Sallehudin Talib dan Wong Seng Yee telah mendapat undi sebanyak 314 dan 276 masing-masing. Ramli Mohd Nor telah menewaskan pesaingnya Manogaran Marimuthu dengan undi majoriti sebanyak 3 238 iaitu satu angka yang begitu besar jika dibandingkan dengan kemenangan BN bagi kerusi Parlimen pada PRU 14 iaitu sebanyak 597 undi. Pilihan raya ini merupakan pilihan raya kali ketiga bagi Manogaran Marimuthu selepas bertanding dalam PRU 13 dan PRU 14. Analisis keputusan Pilihan Raya Umum dalam Jadual 1 dan Pilihan Raya Kecil dalam Jadual 2 jelas menunjukkan sokongan kepada Manogaran Marimuthu yang semakin menurun di Cameron Highlands. Keputusan ini membuktikan bahawa BN masih relevan bagi penduduk kawasan Parlimen Cameron Highlands.

## **FAKTOR TARIKAN SOKONGAN PENGUNDI KEPADA BN**

Kerusi Parlimen Cameron Highlands merupakan kerusi tradisi BN yang memperlihatkan kekuatan yang tersendiri. Walaupun terdapat penurunan yang ketara dalam jumlah undi majoriti kepada BN dalam PRU 11 dan PRU 12 selain persaingan lima penjuru dalam PRU 13 dan PRU 14 (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2004; 2008; 2013; 2018), BN tetap memaparkan kerelevannya dalam kalangan masyarakat tempatan di kawasan Parlimen tersebut melalui kemenangan yang diperoleh.

Sokongan pengundi kepada BN ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Salah satu daripadanya adalah kebijaksanaan BN dalam mengatur strategi bagi mempertahankan kerusi tradisi Parlimen Cameron Highlands dengan meletakkan Ramli Mohd Nor yang merupakan seorang anak tempatan Orang Asli. Menurut Tengku Razaleigh Hamzah, pemilihan Ramli Mohd Nor dilihat sebagai amat sesuai dari segi keperibadian dan reputasi yang dimiliki

dalam mendampingi masyarakat tempatan khususnya (Shamsul Kamal Amarudin, 2019). Dalam hal ini, Ramli Mohd Nor diharap dapat membeli kepercayaan penduduk Orang Asli. Jika dilihat dari segi pecahan pengundi, terdapat 10 820 orang pengundi Melayu (34.0%), 9 524 orang pengundi Cina (30.0%), 4 798 pengundi India (15.0%) manakala 6 964 orang adalah pengundi yang terdiri daripada Orang Asli (23.0%) (Mohd Nasaruddin Parzi, 2019). Oleh itu, undi Orang Asli mempunyai kekuatan dalam menentukan kemenangan Ramli Mohd Nor.

Malah, BN turut memahami psikologi komuniti Orang Asli yang lebih mempercayai dan meyakini individu dalam kelompok mereka berbanding orang luar dalam kehidupan berkomuniti. Malah, Ramli Mohd Nor juga merupakan pendakwah dalam kalangan komuniti Orang Asli Cameron Highlands selain berperanan sebagai aktivis masyarakat Orang Asli di kawasan ini (Rohaniza Idris, 2019). Secara umumnya, calon yang mesra rakyat lebih disenangi oleh pengundi (Junaidi Awang Besar, 2011) maka peranan Ramli Mohd Nor sebagai pendakwah dan aktivis Orang Asli telah membantu perolehan undi yang tinggi. Sentimen BN berhubung Ramli Mohd Nor dapat menjadi wakil tunggal Orang Asli di Parlimen jika menang dan mampu menjadi suara minoriti Orang Asli bagi membela kepentingan dan nasib golongan tersebut telah menperkuuh keyakinan Orang Asli untuk mengundi BN (Shaarani Ismail, 2019). Percaturan strategi yang dilakukan oleh BN dalam memilih calon yang sesuai dengan keperluan kerusi Parlimen Cameron Highlands dengan menilai komposisi etnik di kawasan tersebut telah membantu kemenangan BN di Cameron Highlands.

Selain sentimen wakil tunggal Orang Asli, kesetiaan komuniti Orang Asli terhadap BN juga mempengaruhi sokongan golongan ini terhadap Ramli Mohd Nor. Kemenangan BN di Cameron Highlands ini membuktikan bahawa golongan ini masih menghargai sumbangan BN kepada mereka. Penduduk Orang Asli di Cameron Highlands tetap menghargai kunjungan pemimpin BN bukan sahaja ketika musim pilihan raya tetapi juga di luar musim pilihan atas bantuan dan sumbangan yang diberikan (Faiz Zainudin & Soo Wern Jun, 2019). Tampuk pemerintahan negara selama 60 tahun sebelum tumbangnya BN kepada PH dalam PRU 14 telah menyediakan pelbagai ruang dan masa untuk pemimpin BN mendekati komuniti Orang Asli selain menyediakan bantuan dan sumbangan tertentu. Hal ini amat berbeza bagi PH yang baharu mentadbir negara mulai tahun 2018 apatah lagi apabila kawasan Parlimen Cameron Highlands berada di bawah dominasi BN. Dalam hal ini, calon BN lebih mudah diterima oleh penduduk tempatan berbanding calon PH.

Tidak dapat dinafikan bahawa BN terus memastikan sokongan pengundi Melayu berpihak kepada parti ini. Dalam hal ini BN telah berusaha keras untuk menarik kepercayaan 34.0% pengundi Melayu untuk mengundi parti tersebut. Pada masa yang sama, kerjasama antara UMNO dan PAS boleh dikatakan telah menjadi faktor penyumbang kepada peningkatan undi majoriti PRK kepada 3 238 berbanding 597 dalam PRU 14. Kerjasama tersebut juga dapat dibuktikan dengan tindakan PAS tidak meletakkan calon PAS untuk bertanding bagi kerusi Parlimen Cameron Highlands. Sehubungan itu, pengundi PAS yang berpuas hati dengan ikatan kerjasama yang terjana antara dua pihak ini telah memberi sokongan kepada BN. Usaha BN dalam mendapatkan sokongan padu pengundi Melayu di samping kerjasama antara UMNO dan PAS telah memberi cabaran yang tinggi kepada PH kali ini (Idris Musa, 2019) mengakibatkan kemenangan berpihak kepada BN. Bagi penyokong tegar PAS pula, faktor kesetiaan secara turun temurun pada parti sudah pasti menyukarkan mereka untuk menerima BN namun kedudukan mereka sebagai pembangkang

menyatukan kecenderungan untuk mengundi calon BN berbanding PH. Pada masa yang sama, pemikiran sesetengah orang Melayu telah bersebat dengan pandangan bahawa BN merupakan parti yang layak memerintah berdasarkan pengalaman berpuluhan tahun mentadbir negara (Junaidi Awang Besar, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof, 2014) turut mendorong golongan ini untuk mengundi BN.

Tambahan lagi, politik perkauman juga telah meraih sokongan pengundi Melayu dan membantu kemenangan BN di Cameron Highlands. Sejak PH mendapatkan tumpuk pemerintahan daripada kerajaan BN dalam PRU 14, UMNO dan PAS dilihat menyuburkan sentimen Melayu-Islam yang memberi kesan terhadap hubungan kaum (Zin Mahmud, 2019). Pelbagai isu seperti Pembasmian Semua Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) dan kematian anggota bomba Muhammad Adib dalam rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield digunakan sebaik-baiknya oleh UMNO dan PAS bagi membangkitkan sentimen Melayu-Islam ini menyebabkan PH sukar menangkis serangan golongan ini dalam memperkuuh perpaduan kaum (Mujibu Abd Muis, 2019; Zin Mahmud, 2019). Sentimen ini turut diperluaskan sewaktu kempen bagi kerusi Parlimen Cameron Highlands dan disambut oleh pengundi Melayu khususnya di Jelai yang merupakan kawasan majoriti pengundi Melayu (Yasmin Ramlan, 2019). Jika sebelum tumbangnya BN kepada PH dalam PRU 14, BN lebih menekankan kepada soal pembangunan dan khususnya perpaduan memandangkan isu-isu tersebut mendapat keyakinan rakyat dalam kerjasama politik BN (Mohd Azri Ibrahim & Sity Daud, 2014) namun kehilangan sokongan daripada orang Melayu selain kelemahan parti komponennya dalam meraih sokongan rakyat telah memaksa BN untuk mengukuhkan semula sokongan orang Melayu bagi menguatkan UMNO kembali melalui sentimen Melayu-Islam. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa sentimen Melayu-Islam telah mempengaruhi pemilihan calon Melayu BN berbanding calon India PH.

Percaturan strategi BN juga dapat dilihat apabila BN meletakkan calon berbangsa Melayu menggantikan peletakan calon India MIC secara tradisinya. Boleh dikatakan bahawa peletakan calon Melayu sebagai satu langkah bijak BN apabila mendapat hilangnya sokongan kaum India terhadap MIC dalam PRU 14. Kehilangan sokongan masyarakat India dapat dirasai dengan jelas sejak PRU 12 lagi akibat kegagalan parti MIC untuk meneliti tuntutan kaum India di Malaysia selain timbulnya ketidakstabilan dalam parti akibat perebutan kuasa (Suresh Kumar & Sivarajan, 2018). Pada masa yang sama, tsunami politik dan kebangkitan rakyat khususnya pengundi India kurang menyebelahi BN pada PRU 14 (Suresh Kumar & Sivarajan, 2018). BN menyedari hakikat ini dan dapat memahami risiko meletakkan calon India MIC bagi kerusi Parlimen di Cameron Highlands kali ini.

## **FAKTOR TOLAKAN SOKONGAN PENGUNDI TERHADAP PH**

Terdapat beberapa perkara dapat dikemukakan sebagai faktor yang menggagalkan calon PH untuk merampas kerusi tradisi BN dalam PRK bagi kawasan Parlimen Cameron Highlands. Salah satu daripada faktor utama adalah ketidakpuasan rakyat terhadap kegagalan kerajaan PH dalam menunaikan segala janji yang diberikan melalui manifesto PRU 14. PH berhadapan dengan keadaan yang sukar dan mencabar kerana baru mengambil alih tumpuk pemerintahan daripada kerajaan BN iaitu hanya lapan bulan (Al-Abror Mohd Yusof, 2019). Dari peringkat awal lagi kerajaan PH gagal menunaikan janji 100 Hari Pakatan Harapan atas alasan kedudukan kewangan yang tidak kukuh (Jamliah Abdullah, 2018). Tun Dr Mahathir sendiri mengakui kelemahan membuat janji tersebut tanpa pengetahuan yang mencukupi

tentang kedudukan sebenar kewangan negara dan berharap agar rakyat dapat memahami kekangan yang dihadapi selain memberi peluang kepada PH untuk membetulkan keadaan bagi menunaikan janji walaupun perkara tersebut akan memakan masa lebih panjang (Jamliah Abdullah, 2018). Malah, pelbagai janji belum dapat disempurnakan hingga kini. Rakyat pula berpendapat bahawa kerajaan BN yang memerintah sebelum ini tidak harus terus dipersalahkan memandangkan kerajaan baharu telah dipilih oleh rakyat dan pada masa yang sama rakyat meletakkan kepercayaan pada kebijaksaan pemerintah baharu untuk merancang dan melaksanakan janji yang telah dikemukakan sewaktu PRU 14 (Hassan Md. Noor, 2019). Percanggahan pandangan dan pemikiran antara kerajaan dan rakyat menyukarkan kerajaan baharu untuk menyatukan dua pihak ini dalam satu landasan yang sama. Dalam konteks Cameron Highlands, kawasan ini memerlukan pembangunan yang terancang dengan pelbagai kemudahan kerana kawasan ini terletak jauh dari lokasi bandar utama yang lain. Oleh itu, pengundi mungkin kurang yakin terhadap janji PH.

Selain itu, psikologi dalam strategi kempen PH yang tidak kena pada masa dan tempatnya juga boleh dikatakan memberi kesan kepada pengundi untuk tidak menyokong PH. Strategi kempen Lim Guan Eng yang memberi penekanan kepada rekod hutang kerajaan negeri Pahang di bawah kepimpinan BN menggambarkan persoalan tentang kewibawaan BN untuk membantu pembangunan dan kemajuan penduduk Cameron Highlands. Pada masa yang sama, strategi yang dimainkan ini juga mengundang pemikiran tentang kredibiliti PH untuk membantu pembangunan dan kemajuan penduduk Cameron Highlands dengan hutang RM1 trilion (Timmy Say, 2019b). Hal ini kerana sokongan pengundi kepada satu-satu parti atau calon yang bertanding amat bergantung pada soal pembangunan dan perkhidmatan yang bakal dikecapi oleh penduduk kawasan pilihan raya. Begitu juga harapan pengundi apabila memilih pihak yang mampu membela nasib penduduk selain yang dapat mempermerkannya nilai integriti dalam perlakuan kerja (Muhamad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuat Mat Jali, 2016). Selain itu, berita yang tersebar tentang sentimen kaum yang dibangkitkan oleh Manogaran Marimuthu berkaitan peletakan Ramli Mohd Nor, calon daripada komuniti Orang Asli dan keyakinan yang cuba diterapkannya pada pengundi bahawa masyarakat tidak akan mengundi calon daripada Orang Asli turut mempengaruhi pengundian di Cameron Highlands (Hassan Md. Noor, 2019).

Kagagalan BN dan ketidakstabilan dalam UMNO selepas PRU 14 di samping reformasi politik PH menyukarkan survival BN khususnya UMNO (Funston, 2018). Oleh itu, BN-UMNO terpaksa mengatur strategi yang efektif untuk mengukuhkan parti dan memastikan kemenangan dicapai melalui PRK yang mengambil tempat selepas PRU 14. Sehubungan itu, dalam PRK Cameron Highlands, pemilihan calon yang bersesuaian untuk bertanding oleh BN juga menjadi satu cabaran kepada PH untuk merampas kerusi Parlimen Cameron Highlands. Hal ini bermakna PH sepatutnya telah merancang strategi yang lebih baik untuk memilih calon yang lebih sesuai dan tepat mengikut situasi dan keperluan penduduk tempatan. Hal ini tidak bermakna bahawa Manogaran Marimuthu tidak layak kerana beliau mempunyai pengalaman yang tinggi dalam persada politik. Namun demikian, PH terlepas pandang terhadap penurunan sokongan undi kepada Manogaran Marimuthu dalam PRU 14 dan persaingan sengit dengan calon BN. Mungkin juga PH agak yakin dapat merampas kerusi Cameron Highlands kali ini memandangkan undi kekalangan Manogaran Marimuthu pada PRU 13 dan PRU 14 adalah dengan undi majoriti rendah. Malah, kebangkitan sokongan rakyat kepada PH dalam PRU 14 selain kejayaan PH merampas

tampuk kuasa pemerintahan daripada BN dan memimpin negara mungkin memberi keyakinan lebih pada PH bahawa pengundi Cameron Highlands akan menyokong calon PH.

Tambahan lagi, isu semasa ketika berkempen juga memberi kesan ke atas pemilihan parti dan juga calon yang bertanding (Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal, 2012). Beberapa senario yang berlaku pada musim PRK seperti kedapatan papan tanda projek selain penggunaan kenderaan jabatan kerajaan (Al-Abror Mohd Yusuf, 2019) menimbulkan tanda tanya dan soal integriti dalam kalangan penduduk tempatan lalu memberi implikasi negatif terhadap PH. Insiden kemunculan papan tanda projek pembangunan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka) di perkampungan Orang Asli, Cameron Highlands dengan lambang Harapan Baru Malaysia (Badrul Hafizan Mat Isa, 2019) memberi imej negatif terhadap PH. Penggunaan kenderaan Jabatan Perhilitan oleh jentera PH bagi tujuan kempen di Cameron Highlands (Abdul Rashid Abdul Rahman, 2019) turut memberi gambaran yang negatif terhadap integriti jentera PH.

Peranan media massa dan media sosial yang mengetengahkan isu integriti yang turut mempengaruhi pembentukan pandangan penduduk terhadap landskap politik dan perkembangan semasa di kawasan pilihan raya. Dalam hal sebegini, media alternatif berperanan dalam pembentukan tingkah laku politik selain berperanan mengalihkan undi kepada satu-satu parti berdasarkan maklumat politik yang tersebar (Junaidi Awang Besar, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof, 2014). Media alternatif mampu memperluaskan suara reformasi rakyat dengan lebih provokatif (Samsudin A. Rahim, 2010). Sebagaimana media sosial seperti *Whatsapp* dan *Facebook* memainkan peranan yang penting dalam memberi maklumat alternatif kepada pengundi ketika PRU 14 (Chin & Welsh, 2018), kedua-dua media sosial ini tidak dapat dinafikan peranannya dalam mempengaruhi pemikiran pengundi untuk membuat keputusan sama ada ingin menyokong BN atau PH ketika PRK.

Di samping itu, dapat dikatakan bahawa calon PH Manogaran Marimuthu belum dapat diterima oleh penduduk tempatan dengan baik memandangkan sumbangan BN masih dihargai akibat urus tadbir BN yang tempoh yang lama bagi kerusi Parlimen tersebut (Yasmin Ramlan, 2019). Kekalahan Manogaran secara berturut-turut dalam PRU 13 dan PRU 14 tidak memberi ruang kepada peluang mentadbir maka penduduk tempatan belum dapat melihat perubahan yang bakal dibawa oleh calon ini kepada pembangunan ekonomi dan pembangunan fizikal Cameron Highlands. Dapat dikatakan bahawa sebahagian daripada pengundi di kawasan ini masih menghargai jasa dan sumbangan BN yang telah lama mentadbir kawasan ini.

## **PRK CAMERON HIGHLANDS DAN POLITIK MALAYSIA BAHARU**

Kejayaan BN untuk terus mengekalkan kerusi Parlimen Cameron Highlands dalam PRK dan kegagalan PH untuk merampas kerusi tradisi BN memberi pengajaran yang besar kepada jentera pentadbiran PH. PRK ini perlu dijadikan iktibar oleh PH untuk lebih memahami strategi pembangkang dan mempergiatkan usaha untuk menangani ketidakpuasan rakyat terhadap PH. Sehubungan itu, beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh PH hasil PRK Cameron Highlands.

1. PH perlu akur bahawa penentuan calon yang sesuai dan tepat bagi satu-satu kawasan pilihan raya penting bagi kemenangan calon yang bertanding. Calon yang bertanding bukan sahaja perlu mendapat kepercayaan dalam membela nasib penduduk di kawasan tersebut tetapi perlu mempunyai pemahaman tentang selain keperluan setempat selain mempunyai kebiasaan atau kerapatan hubungan dengan kawasan terbabit. Walaupun PRK Cameron Highlands memperlihatkan Manogaran Marimuthu yang telah dikenali melalui pencalonan bagi kawasan yang sama dalam dua PRU berturut-turut sebelum ini namun Ramli Mohd Nor yang lebih dikenali sebagai anak jati kawasan tersebut yang diketahui sumbangannya kepada masyarakat Orang Asli khususnya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi undi kemenangan. Kebiasaan Ramli Mohd Nor dalam mewakili masyarakat Orang Asli dan sikap turun padang dalam membela nasib masyarakat Orang asli sebagai seorang pendakwah dan aktivis masyarakat Orang Asli membolehkannya lebih diterima berbanding Manogaran Marimuthu. Oleh itu, penentuan calon yang sesuai dan tepat dengan keperluan setempat dapat meraih undi kemenangan daripada komuniti setempat (Mujibu Abd Muis, 2019).
2. PRK ini juga membuktikan bahawa kemenangan satu-satu calon di kawasan pilihan raya tidak semestinya ditentukan oleh kredibiliti dan budaya kerja yang ditunjukkan oleh calon tersebut tetapi juga ditentukan oleh faktor bangsa (Zin Mahmud, 2019). Sentimen Melayu-Islam yang diperhangatkan oleh UMNO dan PAS dari satu perspektif dilihat menyatukan orang Melayu. Dari satu perspektif lain pula, sentimen tersebut seakan-akan memperluaskan jarak sosial antara orang Melayu dan bukan Melayu. Faktor ini mampu merangsang sikap prejudis dan stereotaip dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Dalam PRK Cameron Highlands, sentimen Melayu-Islam yang masih panas ketika itu selain tindakan BN meletakkan calon Melayu telah mengalihkan undi Melayu kepada calon BN Ramli Mohd Nor. Dari sudut lain pula, kredibiliti calon PH Manogaran Marimuthu dalam memperjuangkan keperluan Melayu dipersoalkan.
3. Politik perkauman digunakan sebagai strategi dan memanfaatkan kepentingan parti melalui penyatuan bangsa berdasarkan persamaan agama. Dalam PRK Cameron Highlands, parti pembangkang berjaya mempengaruhi pengundi Melayu dengan isu-isu yang bertunjangkan perspektif kaum (Yasmin Ramlan, 2019). Politik perkauman oleh UMNO dan PAS melalui perjuangan Melayu-Islam sejak PRU 14 agak berkesan dalam menguatkan sokongan dalam kalangan orang Melayu dan juga kepada kedua-dua parti berkenaan kerana memperjuangkan Melayu dan Islam yang dirasakan telah mula dipinggirkan oleh PH (Mujibu Abd muis, 2019). Tidak dapat dinafikan bahawa PRU 14 telah menampakkan peralihan sokongan rakyat daripada parti politik berasaskan etnik kepada parti politik berasaskan multietnik (Suresh Kumar & Sivarajan, 2018) dan perkara ini disedari oleh BN dan PAS. Sehubungan itu, sentimen Melayu-Islam ini menjadi strategi untuk menyatupadukan orang Melayu bagi memperkuuhkan sokongan pengundi Melayu dan membolehkan mereka kembali kepada parti berasaskan etnik. Walaupun sentimen Melayu-Islam ini dilihat sebagai satu usaha untuk membela kedudukan orang Melayu dan agama Islam namun secara optimisnya jurang yang timbul antara orang Melayu dan bukan Melayu mampu memberi kesan ke atas usaha membina negara bangsa atas tiang permuafakatan.

4. Pakatan politik membentuk gabungan yang konkrit dan turut mempengaruhi kemenangan satu-satu parti politik dalam pilihan raya. Kemenangan PH dalam PRU 14 ternyata menjelaskan sokongan rakyat kepada BN yang terdiri daripada parti komponen UMNO, MCA dan MIC. Sokongan rakyat pada PRU tersebut beralih kepada parti multietnik akibat hilangannya keyakinan terhadap kerajaan BN (Suresh Kumar & Sivarajan, 2018). Oleh itu, sebagaimana PH telah mengukuhkan sokongan rakyat dengan merangkumkan Parti Keadilan Rakyat (PKR), Democratic Action Party (DAP), Parti Amanah Negara (Amanah) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk memenangi PRU 14 begitu juga parti lawan BN yang telah bekerjasama dengan PAS sewaktu PRK di Cameron Highlands. Jika dalam PRU 14 PH menentang BN atas korupsi, isu rasuah dan menyalahgunakan kuasa, PRK di Cameron Highlands pula BN bekerjasama dengan PAS atas sentimen Melayu-Islam untuk meraih undi ((Mujib Abd Muis, 2019). Asakan BN-PAS dengan memperalatkan sentimen ini berdasarkan pelbagai isu berbangkit dalam negara seperti isu kematian Muhammad Adib dan isu ICERD sukar ditangkis oleh PH.

5. Janji-janji yang diberikan oleh parti yang bertanding dan menang dalam pilihan raya perlu ditepati. Selepas mengambil alih tampuk pemerintahan daripada BN banyak janji tidak dapat ditunaikan oleh PH. Satu daripada faktor yang mendorong peralihan kuasa pemerintahan pada PRU 14 adalah Manifesto PH yang meyakinkan dengan pelbagai janji kepada rakyat. Namun demikian, kegagalan PH untuk menunaikan janji seperti dalam manifesto mengakibatkan rakyat kecewa dengan kerajaan. Walaupun Tun Mahathir telah mengemukakan alasan bahawa kedudukan kewangan negara tidak stabil dan langkah pertama yang diambil oleh PH adalah untuk memulihkan keadaan kewangan yang teruk (Jamliah Abdullah, 2018) namun rakyat seakan-akan belum bersedia menerima alasan tersebut untuk kerajaan tidak menunaikan janji dalam manifesto. Ketidakpuasan rakyat terhadap kerajaan yang memerintah mampu mendorong rakyat untuk mengalihkan undi kepada pembangkang dan kekecewaan ditunjukkan melalui PRK. Perkara ini perlu diberi perhatian sebelum PRU 15 nanti.

6. Kemenangan besar perlu dikuti dengan keyakinan terhadap kerajaan. Apabila rakyat hilang keyakinan maka parti kerajaan mudah ditumbangkan. Kemenangan BN di Cameron Highlands juga membuktikan bahawa pengundi tidak mengundi parti yang memerintah semata-mata kerana parti tersebut memegang tampuk pemerintahan negara dan mudah membantu pembangunan Cameron Highlands (Saarani Mohamad, 2019). Pengundi masa kini lebih bijak menghitung kekuatan dan kelemahan hasil pengundian yang dilakukan. Tidak mungkin pengundi tidak terfikir tentang janji-janji PH dalam manifesto PRU 14 yang belum ditunaikan akibat kedudukan kewangan negara. Persoalan yang timbul di sini adalah bagaimanakah PH dapat menunaikan janji di kawasan ini pula apabila banyak lagi janji yang ditaburkan sewaktu PRU 14 belum dapat ditunaikan?

7. Pengundi mempunyai pendirian sendiri untuk membuat keputusan tentang pemilihan calon untuk diundi dan tidak mudah dipengaruhi. Dengan perluasan pendidikan selain perkembangan teknologi komunikasi maka pengundi mampu menilai dan membandingkan kerasionalan janji-janji yang ditaburkan ketika musim pilihan raya. Dalam, hal ini para pengundi tidak mudah dipengaruhi dengan janji-janji manis akibat keterbukaan minda mereka dan akses mereka kepada dunia luar.

Sehubungan itu, parti-parti politik perlu memahami keterbukaan minda pengundi dan memastikan kekecewaan dan permintaan mereka diberi perhatian yang sewajarnya.

8. Kekalahan dalam PRK perlu mengambil kira usaha untuk memperbaiki masalah yang menimbulkan ketidakpuasan rakyat. Menurut Muhyiddin Yassin dalam satu sidang akhbar, kekalahan PH kepada BN dalam PRK Cameron Highlands memberi peluang kepada PH untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat tentang harapan mereka, keperluan meneliti masalah dan menyelesaikan masalah rakyat (Bernama, 2019). Penekanan terhadap elemen ini dapat membolehkan PH mengenal pasti akar umbi permasalahan rakyat dan menggembungkan tenaga dalam usaha mensejahterakan rakyat. Aspek ini penting dalam menghadapi PRK yang akan datang selain sebagai satu pengukuhan menghadapi PRU 15 nanti.

9. Jentera pengurusan dan pentadbiran kerajaan juga perlu diperbaiki agar soal integriti yang dilaung-laungkan oleh kerajaan PH dapat dihadam oleh rakyat. Jika dilihat dalam PRU 14, isu integriti yang digunakan oleh PH tentang segi rasuah, korupsi dan penyalahgunaan kuasa kerajaan BN banyak mempengaruhi rakyat untuk menyokong dan mengundi PH. Hal ini bermakna PH seharusnya lebih arif dalam merancang dan melaksanakan gerak kerja mengikut lunas integriti. Kepercayaan yang diletakkan oleh rakyat mudah hilang jika satu-satu parti yang diyakini memaparkan nilai sebaliknya. Dalam konteks PRK Cameron Highlands, penggunaan kenderaan jabatan kerajaan bagi tujuan kempen (Al-Abror Mohd Yusuf, 2019; Abdul Rashid Abdul Rahman, 2019) misalnya menjadi satu persoalan dalam kalangan rakyat terhadap keberkesanan makna integriti yang dilaungkan oleh jentera PH. Penekanan kepada isu integriti perlu menjadi adat dan amalan kerja bagi menyenangi dan memenangi hati rakyat.

10. PRK Cameron Highlands juga memberi isyarat tentang percaturan persepsi rakyat. Pergolakan politik negara, status kewangan, soal integriti, isu pembangunan dan peningkatan taraf hidup merupakan antara aspek yang menjadi tumpuan rakyat. Kegagalan kerajaan untuk menangani ketidakpuasan rakyat boleh membawa kekecewaan dalam kalangan rakyat. Apabila rakyat mentafsir bahawa kerajaan tidak mampu membela nasib rakyat, semua kelemahan pembangkang tidak dipedulikan (Zin Mahmud, 2019). Hal ini mempengaruhi rakyat untuk mengundi pembangkang.

## KESIMPULAN

Kemenangan BN di kerusi Parlimen Cameron Highlands walaupun berjaya mengekalkan kerusi tradisinya namun perlu bersedia untuk berusaha lebih keras untuk memastikan pembangunan ekonomi dan pembangunan fizikal diberi perhatian demi kesejahteraan masyarakat di kawasan ini. Kegagalan BN untuk memastikan keperluan ini mampu mendorong pengundi mengalihkan undi kepada PH dalam pilihan raya musim akan datang. Kekalahan PH pula telah memberi pengajaran yang besar kepadaanya untuk meneliti, menilai dan mengambil kira kebimbangan dan ketidakpuasan rakyat. Kekalahan ini juga perlu diambil sebagai platform untuk PH menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat; bukan sahaja di Cameron Highlands tetapi juga secara umum. Janji-janji PH dalam manifesto PRU 14 perlu diberi perhatian semula memandangkan manifesto tersebut menjadi salah satu penyumbang utama kepada kemenangan PH dalam PRU 14. Ketidakpuasan rakyat terhadap janji yang tidak ditepati, kekurangan peluang ekonomi dan peningkatan kos sara hidup

selain kebijaksanaan PH dalam menangani pelbagai isu berbangkit dalam negara perlu diberi perhatian agar elemen ini tidak memperluas risiko bagi PH untuk kecundang tidak kira dalam PRK lain atau PRU akan datang. Selaras perkembangan zaman, negara banyak melalui perubahan dari segi struktur ekonomi dan juga sosial maka perubahan ini turut mempengaruhi pembentukan generasi yang berfikiran terbuka dengan moral politik yang berbeza dengan generasi terdahulu (Mohd Hariszuan Jaharudin, 2014). Oleh itu, jentera PH perlu lebih bersedia dalam menghadapi cabaran yang lebih getir pada masa hadapan.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rashid Abdul Rahman. (2019). Kenderaan Jabatan Perhutanan diguna untuk kempen ditarik balik. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/terkini/kenderaan-jabatan-perhutanan-diguna-untuk-kempen-ditarik-balik-1.826049> (Diakses 10 April 2019).
- Al-Abror Mohd Yusof. (2019). Harapan Baru dari Cameron Highlands. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/461976> (Diakses 8 April 2019).
- Anbalagan, V. (2018). Keputusan PRU14: Calon PPBM fail petisyen, tuntut PRK. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/06/14/keputusan-pru14-calon-ppbm-fail-petisyen-tuntut-prk-v-anbalagan/> (Diakses 8 April 2019).
- Arfa Yunus. (2019). BN kekalkan kerusi Cameron Highlands, Manogaran kalah lagi. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-politik/bn-kekalkan-kerusi-cameron-highlands-manogaran-kalah-lagi-197039> (Diakses 8 April 2019).
- Badrul Hafizan Mat Isa. (2019). Waytha Moorthy hairan papan tanda projek Jakoa dinaikkan. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/waytha-moorthy-hairan-papan-tanda-projek-jakoa-dinaikkan-1.829741> (Diakses 10 April 2019).
- Bernama. (2019). Kekalahan PRK Cameron Highlands pengajaran PH baiki kelemahan. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-politik/kekalahan-prk-cameron-highlands-pengajaran-ph-baiki-kelemahan-197102> (Diakses 12 April 2019)
- Chin, J. & Welsh, B. (2018). The 2018 Malaysian General Election: The return of Mahathir and the exit of UMNO. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 3-8.
- Faiz Zainudin & Soo Wern Jun. (2019). PRK Cameron Highlands: Orang Asli di kubu kuat DAP tidak yakin dengan PH. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/01/14/prk-cameron-highlands-orang-asli-di-kubu-kuat-dap-tidak-yakin-dengan-ph/> (Diakses 9 April 2019).
- Funston, J. (2018). Malaysia's 14th General Election (GE14) – The contest for the Malay electorate. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 57-83.
- Hassan Md. Noor. (2019). Tunai janji hadapi PRK Semenyih. *Bebas News*. <http://bebasnews.my/2019/01/29/selak-tunai-janji-hadapi-prk-semenyih-rais/> (diakses 9 April 2019)
- Idris Musa. (2019). PH dah gerun? *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/01/417022/ph-dah-gerun> (Diakses 8 April 2019).
- Irwan Shafrizan Ismail (2018). PRK Cameron Highlands: Penamaan calon 12 Januari, pengundian 26 Januari (2019). *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/12/510883/prk-cameron-highlands-penamaan-calon-12-januari-pengundian-26-januari> (Diakses 8 April 2019).
- Jamliah Abdullah. (2018). Sukar tunai janji 100 hari - Dr. Mahathir. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sukar-tunai-janji-100-hari-dr-mahathir-1.683620> (Diakses 9 April 2019).
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011). Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*, (8)2011: 153-172.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2012). Persepsi Belia terhadap Isu Politik dan Dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7(Dis), 136-156.
- Junaidi Awang Besar, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis ‘tsunami politik bandar’. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 28-38.
- Mohd Azri Ibrahim & Sity Daud. (2014). Pilihan raya dan tingkah laku pengundi dalam PRU 2008: Kajian kes di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 20, 55-80. <http://www.ums.edu.my/fksw/en/current-issue/123-pilihan-raya-dan-tingkah-laku-pengundi-dalam-pru-2008-kajian-kes-di-wilayah-persekutuan-labuan-malaysia> (Diakses 14 April 2019).
- Mohd Hariszuan Jaharudin. (2014). Pilihan Raya Umum ke-13: Perubahan budaya politik Malaysia dan krisis legitimasi moral Barisan Nasional. *Kajian Malaysia*, 32(2), 149-169.
- Mohd Nasaruddin Parzi. (2019). Peluang seimbang PH, BN tawan Cameron Highlands. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/01/518913/peluang-seimbang-ph.bn-tawan-cameron-highlands> (Diakses 9 April 2019).
- Muhamad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca Pilihan Raya: Kajian kes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4): 34-45.
- Mujibu Abd Muis. (2019). Pengajaran PRK Cameron Highlands. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/10609> (Diakses 10 April 2019).
- Murni Wan Omar. (2019). Calon PKR Cameron Highlands fail petisyen. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/06/434478/calon-pkr-cameron-highlands-fail-petisyen> (Diakses 9 April 2019).
- Mysumber. (2019). Keputusan rasmi terkini PRK Cameron Highlands 2019. <https://www.mysumber.com/prk-cameron-highlands.html> (Diakses 10 April 2019).
- Rohaniza Idris. (2019). Bekas pegawai polis calon BN di Cameron Highlands. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/01/518127/bekas-pegawai-polis-calon.bn-di-cameron-highlands> (Diakses 10 April 2019).
- Saarani Mohamad (2019). Iktibar dari Cameron Highlands. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/iktibar-dari-cameron-highlands-1.832913> (Diakses 12 April 2019).
- Samsudin A. Rahim. (2010). Media, demokrasi dan generasi muda: Analisis keputusan Pilihan Raya Umum ke-12. *Jurnal Komunikasi*, 26(2): 1-15.
- Shaarani Ismail, (2019). PRK Cameron Highlands platform ketengahkan kepemimpinan Orang Asli. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/01/521960/prk-cameron-highlands-platform-ketengahkan-kepemimpinan-orang-asli> (9 April 2019).
- Shamsul Kamal Amarudin (2019). *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/01/416504/pemilihan-ramli-md-noor-sesuai-tepat> (Diakses 10 April 2019).
- Suresh Kumar, N.V. & Sivarajan, P. (2018). Tsunami India dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Peralihan sokongan daripada politik etnik kepada politik multietnik. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2): 206-231
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Kenyataan Media: URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.078 CAMERON HIGHLANDS. [http://www.spr.gov.my/sites/default/files/KM\\_PRK078\\_CH.pdf](http://www.spr.gov.my/sites/default/files/KM_PRK078_CH.pdf) (8 April 2019).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2004). Keputusan Pilihan Raya 11. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (8 April 2019).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2008). Keputusan Pilihan Raya Umum 12. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (8 April 2019).

- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2013). Keputusan Pilihan Raya Umum 13. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (8 April 2019).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Keputusan Pilihan Raya Umum 14. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (8 April 2019).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2019). Keputusan Pilihan Raya Kecil Cameron Highlands. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (8 April 2019).
- Timmy Say, (2019a). Buat apa ya PRK Cameron Highlands. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2019/01/15/buat-apa-ya-prk-cameron-highlands/> (Diakses 8 April 2019).
- Timmy Say, (2019b). Menilai kekalahan PH di Cameron Highlands. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2019/01/27/menilai-kekalahannya-ph-di-cameron-highlands/> (Diakses 8 April 2019).
- Yasmin Ramlan. (2019). Suntikan semangat untuk BN dan PAS, pengajaran buat PH. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/461883> (Diakses 10 April 2019).
- Zin Mahmud. (2019). Kesan Berpanjangan PRK Cameron Highlands. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2019/01/28/kesan-berpanjangan-prk-cameron-highlands/> (Diakses 10 April 2019).

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **SURESH KUMAR N VELLYMALAY**

Bahagian Antropologi dan Sosiologi,  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,  
Universiti Sains Malaysia.

[suresh@usm.my](mailto:suresh@usm.my)